

TEKS UCAPAN
YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN
DATO' ZULHASNAN RAFIQUE
SEMPENA
MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN
CEMERLANG (APC) TAHUN 2005
KEMENTERIAN WILAYAH
PERSEKUTUAN BERSAMA AGENSI
PADA : 18 JULAI 2006
TEMPAT : BALLROOM, PPj
MASA : 8.00 PAGI

Bismillahirrahmanirrahim

Yang dihormati Saudara/ Saudari
Pengacara Majlis

Y. Bhg. Tan Sri Samsudin Bin Othman,
Ketua Setiausaha Negara merangkap
Presiden Perbadanan Putrajaya

Y.B Datuk Wira Abu Seman Bin Yusop
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan

Y. B Yew Teong Look
Setiausaha Parlimen Menteri Wilayah
Persekutuan

Y. Bhg. Dato' Ab. Hakim Bin Borhan
Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah
Persekutuan

Y. Bhg. Datuk Ruslin bin Haji Hassan
Datuk Bandar Kuala Lumpur

Y. Bhg. Tuan Haji Abidin Bin Arshad
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Labuan

Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai
Kanan;

Yang Diraikan, Para Penerima Anugerah
Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2005

Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan
Hadirin yang saya hormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala
yang telah memberikan kesempatan kepada
saya untuk turut bersama bagi
memeriahkan sambutan **Majlis Anugerah
Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2005
Kementerian Wilayah Persekutuan
bersama agensi-agensi di bawahnya.**

Istilah cemerlang yang ingin diterapkan di
dalam diri penjawat awam adalah merujuk
kepada sumbangan dan pengorbanan kita
yang sanggup bekerja lebih daripada biasa
atau "*work extra mile*" dengan berteraskan
matlamat untuk meningkatkan prestasi dan

tahap kerja kepada perkhidmatan awam dan negara.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada mereka yang telah berjaya dipilih dan dianugerahkan perkhidmatan cemerlang bagi tahun 2005. Saya harap tuan-tuan dan puan-puan akan meneruskan lagi usaha untuk sentiasa cemerlang dengan meningkatkan keupayaan pengetahuan serta kreativiti diri. Segala usaha yang dijalankan adalah bagi memastikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang disampaikan memberikan

kepuasan kepada rakyat. Bagi yang tidak menerima anugerah pada kali ini, tidak bermakna mereka tidak cemerlang kerana Anugerah Khidmat Cemerlang ini telah ditentukan kuotanya iaitu 8 peratus daripada keseluruhan kakitangan. Oleh itu, keseluruhan warga Kementerian dan Agensi perlulah bekerja bersungguh-sungguh dan memberi komitmen dalam meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja pada setiap masa.

Para hadirin yang saya hormati sekalian.

Sepertimana kita semua sedia maklum, Kementerian Wilayah Persekutuan telah ditubuhkan semula pada 27 Mac 2004, di mana ketiga-tiga agensi Wilayah iaitu DBKL, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan diletakkan di bawah bidangkuasa Menteri Wilayah Persekutuan.

Dalam hal ini juga, saya bersyukur Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2005 dapat dijayakan dengan baik dan sekaligus berjaya menggabungkan

kesemua penerima anugerah daripada Kementerian dan agensi di bawahnya. Usaha bersama dan kesepakatan yang ditunjukkan dalam menganjurkan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini, selain daripada dapat menjimatkan kos, ianya menunjukkan perpaduan dan kerjasama kita di bawah satu Kementerian. Ianya akan menjadi contoh kepada Kementerian-Kementerian lain.

Selaras dengan penyusunan semula Kementerian yang sedang dijalankan hasil daripada dua(2) retreat yang telah diadakan

pada tahun ini, saya ingin menekankan bahawa Kementerian ini diwujudkan adalah untuk membantu memberi panduan dan pedoman sekaligus menjadi payung kepada ketiga-tiga agensi iaitu DBKL, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan untuk melaksanakan matlamat Wilayah Persekutuan Maju dan Sejahtera. Kementerian ini hendaklah berperanan sebagai nilai tambah atau *'value-added'* kepada agensi dalam memberikan perkhidmatan yang lebih efektif dan berkesan. Mengambil kira tahap pencapaian akademik pelanggan masa kini telah

meningkat sudah semestinya harapan atau *'expectation'* juga turut meningkat . Oleh itu, Kementerian dan Agensi perlu bersedia untuk mencari idea dan pendekatan baru bagi menambah baik sistem kerja sedia ada.

Dalam usaha untuk merealisasikan matlamat Wilayah Persekutuan Maju dan Sejahtera seperti dinyatakan di dalam Pelan Strategik Kementerian, Retreat-Retreat untuk memantapkan lagi kelancaran pentadbiran Kementerian dan Agensi telah, sedang dan akan diadakan iaitu Retreat

Penambahbaikan Undang-Undang, Retreat Dasar Hiburan dan yang terbaru ialah Retreat Dasar Penjaja yang akan diadakan pada 26 hingga 29 Julai 2006 yang akan diadakan di Kuantan, Pahang. Usaha yang dilakukan ini adalah untuk memperkemaskan lagi dasar sedia ada, mewujudkan dasar baru di samping menyeragamkan dasar bagi ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.

Dalam pembentangan RMK 9 oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini, beliau telah menekankan beberapa perkara penting.

Diantaranya ialah **mensasarkan pembangunan modal insan sebagai teras utama pembangunan negara dalam mencapai Wawasan 2020**. Oleh itu, perkara ini perlu diberi perhatian sepenuhnya oleh semua penjawat awam di semua agensi dan Jabatan Kerajaan. Kita perlu melihat dan menghayati **strategi-strategi utama** yang telah digariskan dalam melahirkan modal insan kelas pertama. Antara saranan Y.A.B. Perdana Menteri ialah **peningkatan keupayaan dengan penguasaan ilmu, memupuk masyarakat berbudaya dan memiliki kekuatan moral**.

Jika dilihat dengan teliti, pendekatan yang cuba diterapkan ini wajar difahami dan dilaksanakan oleh semua kakitangan Kerajaan kerana menekankan pembentukan modal insan yang berkualiti dalam semua aspek termasuk dari segi prestasi kerja, intelek dan juga keperibadian diri.

Sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk mencapai 40 peratus rakyat negara ini mendapat pendidikan peringkat tertinggi, maka saya menyeru semua warga kerja Kementerian dan Agensi agar sentiasa berusaha melengkapkan diri dengan ilmu

pengetahuan dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat atau *life-long learning*. Ambillah peluang dan gunakan kemudahan yang disediakan untuk memajukan diri demi kemajuan kerjaya di masa hadapan.

Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk menyeru tuan/puan supaya melaksanakan projek-projek RMK 9 yang telah bermula dengan mengeluarkan sebutharga atau tender tanpa berlengah-lengah lagi. Setelah projek tersebut siap, kajian impak terhadap projek tersebut perlu

dibuat bagi memastikan setiap projek yang dilaksanakan memberi faedah atau manfaat kepada rakyat.

Tan Sri, Dato'-Dato'/ Tuan-Tuan/Puan-Puan
Para Hadirin Sekalian,

Sebagai sebuah Kementerian yang strategik dan kritikal serta berperanan utama dalam memacu pembangunan Wilayah Persekutuan, warga kerjanya juga perlulah berintegriti dan sentiasa mengejar kecemerlangan diri. Saya suka mengingatkan di sini, dalam kita mengejar

kecemerlangan dalam perkhidmatan hendaklah kita semua sedar bahawa elemen integriti perlu diperkasakan dalam diri setiap anggota perkhidmatan awam. Kita juga perlu ingat bahawa integriti yang diberi penekanan kepada kakitangan awam bukanlah semata-mata melibatkan rasuah atau penyalahgunaan kuasa tetapi interpretasinya lebih daripada itu kerana jika diteliti makna integriti itu sendiri adalah sangat luas dan mendalam. Integriti melibatkan kebijaksanaan, pelaksanaan amanah dan tanggungjawab dengan jujur di landasan yang betul, berdisplin dan

keperibadian mantap. Sebagai contoh, jika seseorang itu berjanji, dia akan sedaya upaya menepatinya. Begitu juga sekiranya kita berhutang dengan orang lain, kita akan berusaha untuk membayarnya. Integriti itu bersifat holistik dan tidak terhad kepada pekerjaan malah kehidupan seharian kita sebagai manusia.

Ini bermakna kita harus melakukan penghijrahan minda seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat, Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak bagi mencapai matlamat yang

digariskan dalam RMK 9 iaitu ketangkasan kerja, ketetapan dan keberhasilan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Kerajaan juga pada masa ini amat memandang berat soal integriti dan telahpun mewujudkan mekanisme dan struktur yang mantap bagi memastikan perkhidmatan awam berada di tahap yang tertinggi apabila dinilai dari segi integriti dan amalan murni anggotanya. Pada masa yang sama juga, kita perlu terus berusaha memupuk nilai-nilai positif di kalangan anggota perkhidmatan awam tanpa mengenal rasa penat dan jemu. Kita harus

melafazkan kembali ikrar kita terhadap nilai murni yang telah lama kita cuba terapkan dalam perkhidmatan awam iaitu bersih, cekap, amanah, dedikasi dan ikhlas.

Oleh yang demikian, saya menyeru kepada semua anggota Kerajaan agar sentiasa menjalankan tugas yang diamanahkan dengan bersistematik, berintegriti dan membina budaya kerja yang luhur. Ini kerana budaya kerja cemerlang bercirikan amalan nilai murni dan etika moral yang unggul bukan sahaja dapat menjamin pencapaian matlamat organisasi malah

mengurangkan permasalahan etika dan disiplin kerja dalam perkhidmatan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Bagi memastikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan terus mencapai kegemilangan, cabaran alaf baru yang menanti adalah sangat banyak dan unik. Jika tidak bersedia daripada awal, kita akan menjadi mangsa keadaan. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan satu kajian yang dijalankan oleh Readers Digest menyatakan bahawa Kuala Lumpur

merupakan Bandar Raya Ketiga Biadap atau “ *The Third Rudest City In The World*”. Penilaian majalah tersebut berasaskan tiga indikator iaitu menjatuhkan kertas di bandar yang sibuk untuk melihat jika ada yang ingin membantu, melihat kekerapan penjual kedai mengucapkan ‘terima kasih’ kepada pelanggan dan kesediaan warga KL untuk membuka pintu kepada orang luar.

Walaupun indikator-indikator yang digunakan boleh dipertikaikan namun faktor-faktor ini sebenarnya menjadi satu cabaran kepada anggota DBKL untuk membentuk

masyarakat KL menjadi masyarakat yang berbudi bahasa dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian mereka. Justeru, di sebalik pembangunan fizikal, kita perlu mempunyai agenda tersendiri agar tidak bermegah dengan infrastruktur kelas pertama tetapi memiliki mentaliti kelas ketiga. Apapun, seperti kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, kita harus menerima hakikat bahawa penilaian sudah dibuat dan usaha perlu dilakukan untuk mengubah persepsi negatif itu sama ada ia suatu persepsi atau realiti.

Perbadanan Putrajaya pula selain daripada sebagai sebuah pusat pentadbiran kerajaan, ianya menjadi tarikan dan tumpuan pelancong. Oleh itu, kita perlu mengindahkan lagi Putrajaya ini supaya ianya sentiasa dipandang cantik dengan menjadikannya sebagai '*floral city*'. Cabaran yang dihadapi oleh Perbadanan Putrajaya ialah untuk menyelenggara (maintain) kemudahan yang disediakan di dalam keadaan kapasiti menjana pendapatan yang terhad. Oleh itu, Perbadanan Putrajaya perlulah mempunyai Pelan Strategik dengan

memasukkan perkara-perkara yang dinyatakan tadi.

Tugas dan peranan warga kerja Perbadanan Labuan semakin mencabar apabila cadangan untuk menjadikan Labuan sebagai halal *hub* di Malaysia diutarakan baru-baru ini. Cadangan ini memberi satu cabaran baru kepada Perbadanan Labuan untuk memperkasa Labuan ke arah pembangunan mampan berteraskan pelbagai aspek dan tidak tertumpu kepada aktiviti pelancongan sahaja.

Hasrat murni Kerajaan untuk memperbaiki dan menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan pada masa ini harus dipuji dan disokong dengan menggerakkan anggota kerajaan supaya lebih proaktif dalam mengenalpasti, mengkaji dan menilai semula amalan-amalan masa kini. Seterusnya, warga kerja haruslah mengenalpasti ruang-ruang yang boleh diperbaiki dan membuat perubahan bersesuaian dengan lebih bersistematik dan memenuhi kehendak pelanggan. Laksanakanlah pembaharuan ini dengan fikiran yang positif dan terbuka untuk

membuktikan bahawa penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang diberikan adalah yang terbaik dan berkualiti di mata masyarakat. Ingatlah pepatah inggeris yang berbunyi "*the biggest room is the room for improvement and it applies to everybody*".

Saya amat yakin, sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang cekap dan berkesan adalah amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara. Sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap juga perlu bagi

memenuhi ekspektasi dan tuntutan rakyat yang semakin meningkat. Lantaran itu, kita perlu komited untuk terus berusaha memperbaiki dan meningkatkan lagi sistem penyampaian sedia ada ke tahap yang terbaik.

Saya amat berharap semoga setiap anggota perkhidmatan awam di Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi-agensinya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan melipatgandakan usaha ke arah menaikkan imej Wilayah Persekutuan Kuala

Lumpur, Putrajaya dan Labuan serta sentiasa menyumbang yang terbaik kepada organisasi anda di masa hadapan.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati,

Sesebuah organisasi tidak akan dapat bergerak dengan sendirinya tanpa sokongan dan sumbangan daripada warga kerjanya yang cemerlang. Begitu juga dengan Kementerian Wilayah Persekutuan, tanpa sokongan padu dan jitu daripada

ketiga-tiga agensi maka KWP pasti tidak akan dapat melaksanakan tanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan pembangunan dan kemajuan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan mencapai hasrat negara. Oleh itu, saya berwawasan supaya kita sentiasa bersama-sama bergerak sebagai satu entiti yang bersatu-padu di dalam mengejar kecemerlangan. Saya yakin bahawa dengan adanya semangat seperti ini, visi untuk menjadikan Wilayah Persekutuan Maju dan Sejahtera akan tercapai.

Saya ingin mengambil kesempatan ini sekali lagi untuk mengucapkan tahniah kepada semua penerima anugerah. Tuan-tuan dan puan-puan harus sedar ,anugerah yang diberikan sebenarnya membawa amanah dan cabaran baru iaitu bagaimana untuk mengekalkan kecemerlangan yang telah ditunjukkan sampai bila-bila dan perlu diingat, jika tidak menerima anugerah pun kita tetap cemerlang. Anggaplah bahawa amanah yang diberikan merupakan satu ibadah atau pengabdian kita kepada Tuhan. Akhir kata, tidak lupa juga diucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang

terlibat dalam memastikan majlis yang indah
ini berjalan dengan sempurna.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah
Wassalamual'aikum Warahmatullahi
Wabarokatuh.

Terima kasih.